

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]
TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)
SOALAN :Dato' Othman Bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan skim bantuan yang telah diberikan kepada para nelayan dan sejauh manakah ianya berjaya meningkatkan taraf hidup sosioekonomi golongan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyalurkan pelbagai bantuan kepada nelayan dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat nelayan melalui program-program seperti berikut:

- i) Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)
- ii) Skim Subsidi Diesel dan Petrol Kepada Nelayan
- iii) Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)
- iv) Program Dana Nelayan

1. Skim Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)

Pemberian Elaun Sara Hidup sebanyak RM200.00 sebulan untuk nelayan telah diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 2008 dan hampir 55,000 orang nelayan telah menerima faedah ke atas program ini di seluruh negara

Bagi tahun 2015, Kerajaan sekali lagi meluluskan peruntukan tambahan bagi Elaun Sara Hidup melalui bajet 2015 di mana kadar Elaun Sara Hidup Nelayan telah dinaikkan iaitu, kepada RM300.00 bagi nelayan Zon A, manakala bagi nelayan Zon B, dan C dinaikkan kepada RM250.00 sebulan. Bagi nelayan darat pula, Elaun Sara Hidup RM200.00 sebulan buat pertama kali telah diperkenalkan.

Program ini telah membantu para nelayan bagi menangani peningkatan kos sara hidup dengan digunakan bagi memenuhi keperluan harian dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan isi rumah nelayan.

2. Skim Subsidi Diesel dan Petrol Kepada Nelayan

Matlamat Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan adalah untuk membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung oleh nelayan kesan dari kenaikan harga minyak dan memastikan ianya sampai kepada golongan sasaran.

Skim ini telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 di Semenanjung dan diperluas di Sabah dan Sarawak mulai 1 Jun 2006. Bagi tempoh tahun 2006 hingga tahun 2015 jumlah penerima subsidi diesel adalah seramai 17,243 vesel manakala bagi subsidi petrol jumlah penerima adalah sebanyak 36,637 vesel.

3. Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN)

MOA melalui LKIM juga telah dan sedang melaksanakan Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi menyediakan kediaman yang selesa dan bagi meningkatkan kualiti hidup nelayan. Kerajaan telah memperuntukkan RM300 juta semasa Pembentangan Bajet 2012 di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) yang mempunyai tiga

komponen utama iaitu baik pulih rumah nelayan, bina rumah baru rumah nelayan dan projek penempatan semula nelayan dengan prasarana asas yang selesa. Manakala pada tahun 2015, Kerajaan akan menambah peruntukan PKPN sebanyak RM250 juta bagi menyambung dan menyempurnakan program ini.

Sehingga 15 Mei 2015, sebanyak 16,632 permohonan telah diluluskan bagi projek Baik Pulih Rumah Nelayan, 15 permohonan Bina Baru Rumah Nelayan telah diluluskan dan 6 projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) sedang dilaksanakan.

4. Program Dana Nelayan

Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP) adalah skim pinjaman mudah kepada nelayan pantai yang menggunakan sampan berenjin sangkut di bawah Program Dana Nelayan. Sehingga April 2015, seramai 3,408 orang nelayan telah memperoleh manfaat daripada dana ini dengan penyaluran peruntukan sebanyak RM51,048,439.00. Skim tersebut telah berjaya meningkatkan pendapatan nelayan sehingga RM1,500.00 sebulan. Taraf hidup dan sosioekonomi golongan nelayan dapat dipertingkatkan kerana pinjaman mudah tanpa faedah ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan keupayaan bot sedia ada, juga dijadikan sebagai modal operasi dan merupakan pinjaman segera atau kecemasan kepada nelayan.